

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]**

**SOALAN NO. 443**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bilangan sekolah kurang murid mengikut negeri dan mengemukakan rancangan pihak Kementerian terhadap sekolah kurang murid.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Data sekolah berenrolmen 150 murid dan ke bawah yang dikategorikan sebagai sekolah kurang murid (SKM) di seluruh negara pada 30 April 2019 adalah seperti yang berikut:

<b>NEGERI</b>	<b>SK</b>	<b>SJKC</b>	<b>SJKT</b>	<b>JUMLAH</b>
JOHOR	198	97	50	345
KEDAH	57	52	43	152
KELANTAN	29	4	1	34
MELAKA	27	34	16	77
NEGERI SEMBILAN	65	45	43	153
PAHANG	130	41	33	204
PERAK	200	109	110	419
PERLIS	4	5	1	10
PULAU PINANG	9	25	16	50
SABAH	489	25	-	514
SARAWAK	718	125	-	843
SELANGOR	31	25	47	103
TERENGGANU	74	5	-	79

<b>NEGERI</b>	<b>SK</b>	<b>SJKC</b>	<b>SJKT</b>	<b>JUMLAH</b>
WP KL	10	2	4	16
<b>JUMLAH</b>	<b>2,041</b>	<b>594</b>	<b>364</b>	<b>2,999</b>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Pelan Hala Tuju Sekolah Kurang Murid (SKM) melalui pelbagai strategi bertujuan memperbaiki dan mempertingkatkan mutu pendidikan di SKM. Antara strategi tersebut adalah melalui pelaksanaan kelas bercantum dengan pengajaran pelbagai gred, penggabungan sekolah, pemindahan dan penempatan semula SKM serta pengekalan SKM atas faktor keperluan.